A **Zulkifli @ Sakun bin Ahmad Endin Chun lwn Pendakwa Raya**

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K-05–132 TAHUN 2011
B ABDUL MALIK ISHAK, AZHAR MA'AH DAN APANDI ALI HHMR
23 OGOS 2012

C *Keterangan — Kawad cam — Perjalanan kawad cam — Pengecaman perayu — Sama ada prosedur betul dipatuhi — Sama ada pengecaman perayu dari kandang saksi diterima dengan betul oleh hakim Mahkamah Tinggi — Sama ada pengecaman tertuduh boleh diterima — Sama ada sabitan perayu selamat*

D *Keterangan — Beban pembuktian — Pembelaan tidak siuman — Sama ada beban kewujudan akal yang tidak sempurna terletak kepada perayu — Sama ada berjaya dibuktikan oleh perayu — Laporan perubatan mental — Sama ada keadaan mental perayu stabil dan layak untuk dibicarakan — Akta Keterangan 1950 s 105*
E

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Kesalahan membunuh — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan
F *berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah dan mensabitkan perayu — Sama ada keterangan pihak pendakwaan secara maksima telah dilaksanakan oleh hakim mengikut prinsip undang-undang — Sama ada sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim harus dikekalkan*

G Di dalam kes ini, perayu merayu ke mahkamah ini terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah mensabitkan perayu bersalah dengan kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi, perayu memilih untuk memberi keterangan dari kandang tertuduh dan menyatakan bahawa, 'Saya
H tidak terlibat dalam kejadian ini'. Mengikut fakta kes ini, SP3, sepupu si mati, mengatakan bahawa beliau mengenali perayu yang tinggal tidak jauh daripada rumahnya. Pada hari kejadian, perayu telah datang ke rumah SP3 dengan menaiki motosikal mencari si mati. SP3 yang berada dalam jarak empat ke lima kaki jelas nampak perayu membawa sebilah parang yang diletakkan di
I bahagian tepi motornya. Seterusnya, SP2 yang merupakan kawan baik si mati menyatakan bahawa pada tarikh kejadian semasa beliau sedang menunggang motosikal, dua buah motosikal menyekat motosikal yang dinaiki oleh SP2 dan si mati. Salah seorang penunggang motosikal yang dicamkan oleh SP2 sebagai perayu telah menghampiri SP2 dan mengarahkan SP2 untuk beredar daripada

situ dengan alasan SP2 tidak ada kena mengena dengan urusannya. Dalam masa yang sama, menurut SP2, sebuah lagi motosikal yang dinaiki oleh dua orang lelaki yang berada di tempat yang sama dalam jarak 4 meter daripada SP2 tidak berbuat apa-apa dan cuma melihat sahaja. Semasa SP2 beredar, SP2 melihat dan menyaksikan perayu menetak kepala si mati dengan menggunakan parang yang panjangnya lebih kurang 1 kaki. Apabila perayu meninggalkan tempat kejadian, SP2 menghampiri si mati dan nampak si mati nazak dan SP2 mengajar si mati mengucap dua kalimah *syahadah*. Si mati meninggal dunia di atas riba SP2. Selanjutnya pada hari yang sama, SP4 yang bekerja sebagai pencuci kereta melihat perayu datang dan minta SP4 untuk membasuh motosikalnya yang terdapat kesan darah. SP6, pegawai penyiasat, dan anggotanya telah dibawa oleh perayu ke sebuah kandang lembu di mana perayu telah menunjukkan sebilah parang yang diletakkan di celah papan di kandang lembu tersebut. SP9 yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati memberi keterangan terperinci tentang kecederaan luaran dan pemeriksaan dalaman mayat si mati. SP10 yang menjalankan kawad cam, mengesahkan bahawa SP2 telah mengecamkan perayu dua kali di dalam kawad cam yang dijalankan sebanyak dua kali. Perayu telah berhujah bahawa hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah terkhilaf apabila mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan memanggil perayu untuk membela diri dan seterusnya HMT terkhilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah dan mensabitkan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan perayu, mengekalkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan:

(1) Saksi utama pihak pendakwaan ialah SP2. Beliau merupakan saksi yang kredibel dan keterangan beliau adalah jitu dan konsisten. SP2 adalah saksi mata yang melihat sendiri bagaimana perayu telah menetak kepala si mati dengan parang panjang berukuran satu kaki panjang. SP9 mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan oleh 'pendarahan berlebihan akibat luka tetakan di kepala'. Adalah jelas apabila perayu menggunakan parang panjang itu dan menetak kepala si mati, perayu mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati. Niat perayu adalah semata-mata untuk membunuh si mati. Kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati pada lazimnya boleh menyebabkan kematian. Kehadiran dua orang lain di tempat kejadian tidak relevan kepada pertuduhan terhadap perayu oleh sebab hanya perayu seorang sahaja yang dituduh. Keterangan kukuh daripada SP2 adalah mencukupi untuk membuktikan kes pihak pendakwaan (lihat perenggan 17–18 & 32).

(2) Walaupun tiada DNA si mati atau darah si mati pada parang panjang itu, keterangan saksi mata melalui SP2 yang melihat kejadian itu menyokong fakta bahawa si mati ditetak menggunakan parang panjang itu. SP9

seorang doktor pakar di dalam keterangannya menyatakan bahawa luka tetakan yang dialami oleh si mati berpunca daripada satu objek yang tajam dan pipih seperti sebilah parang atau pedang. Malah ketiadaan kesan cap jari di parang panjang tidak boleh digunakan sebagai alasan bahawa perayu tidak menggunakan parang panjang itu untuk menetak kepala si mati (lihat perenggan 35).

(3) Bukan menjadi tugas mahkamah untuk memakaikan pembelaan tidak siuman kepada perayu. Beban membuktikan kewujudan akal yang tidak sempurna terletak kepada perayu. Laporan perubatan oleh Pakar Perunding Psikiatri Forensik, Hospital Bahagia Ulu Kinta jelas menunjukkan bahawa keadaan mental perayu adalah stabil dan layak untuk dibicarakan (lihat perenggan 37–38).

(4) Hanya kerana HMT telah menolak pengecaman perayu di perbarisan cam, tidak semestinya HMT perlu menolak pengecaman perayu dari kandang saksi. Penolakan keterangan ke atas pengecaman di perbarisan cam tidaklah padah dalam apa-apa cara kepada pengecaman perayu dari kandang saksi sebagai orang yang telah melakukan kesalahan. Atas fakta dan keadaan kes, mahkamah ini memutuskan bahawa pengecaman perayu dari kandang saksi telah diterima dengan betul oleh HMT. SP2 telah mengecam perayu di mahkamah terbuka semasa perbicaraan (*dock identification*) di hadapan HMT. Semasa pemeriksaan semula, SP2 menjelaskan bahawa beliau boleh mengecamkan perayu sebab, 'saya pasti sebab OKT duduk dengan saya dan saya pasti wajahnya'. Oleh yang demikian identiti perayu telah dicamkan oleh SP2 dan ini tidak boleh dinafikan (lihat perenggan 39–40).

[English summary

In this case, the appellant appealed to this court against the decision of the High Court which had convicted the appellant for the offence under s 302 of the Penal Code and imposed the sentence of hanging till death. During the trial in the High Court, the appellant chose to give evidence from the dock and stated that, 'Saya tidak terlibat dalam kejadian ini'. Based on the facts of this case, SP3, the cousin of the deceased, stated that he knew the appellant who was staying not far from his house. On the day of the incident, the appellant had come to SP3's house by motorcycle to look for the deceased. SP3 who was at the distance of four to five feet could clearly see the appellant carrying a parang which was kept at the side of his motorcycle. Thereafter, SP2, who was the deceased's good friend, stated that on the date of the incident, while he was riding motorcycle, two motorcycles stopped SP2's motorcycle and the deceased. One of the motorcycle riders, identified by SP2 as the appellant, approached SP2 and ordered SP2 to go away from there because SP2 had nothing to do with him. At the same time, according to SP2, another motorcycle ridden by two men who were at the same place at the distance of 4 metres from SP2 did not do anything and was only looking. When SP2 got

away, SP2 saw and witnessed the appellant slashing the deceased on the head with a parang which was of approximately 1 foot in length. When the appellant left the scene of the incident, SP2 approached the deceased and saw the deceased was dying and SP2 taught the deceased to recite the 'kalimah'. The deceased died on SP2's lap. Subsequently, on the same day, SP4 who was working as car cleaner saw the appellant came and asked SP4 to wash his motorcycle which had blood stain. SP6, the investigating officer, and his man were taken by the appellant to a cowshed where the appellant had shown a parang which was hid in between of some planks in the cowshed. SP9 who had conducted post mortem on the body of the deceased gave detailed evidence on the external injuries and internal examination of the body of the deceased. SP10 who had conducted the identification parade, confirmed that SP2 had identified the appellant twice in the identification parade which was also conducted twice. The appellant contended that the High Court judge ('HCJ') had erred in finding that the prosecution had successfully proven a prima facie case and called the appellant to enter his defence and further the HCJ had erred in deciding that the prosecution was successful in proving a case beyond reasonable doubt and convicted the appellant.

Held, dismissing the appellant's appeal, sustaining the conviction and sentence imposed:

(1) The prosecution's main witness was SP2. He was a credible witness and his evidence was accurate and consistent. SP2 was the eyewitness who had seen with his own eyes how the appellant slashed the deceased on the head with a parang which was of one foot in length. SP9 confirmed that the cause of death was 'pendarahan berlebihan akibat luka tetakan di kepala'. It was clear when the appellant used the long parang and slashed the deceased on the head, he had the intention to cause the death of the deceased. The appellant's intention was solely to murder the deceased. The injuries sustained by the deceased would ordinarily cause death. The presence of two other at the scene was not relevant to the charge against the appellant as only the appellant was charged. The strong evidence from SP2 was sufficient to prove the prosecution's case (see para 17–18 & 32).

(2) Although there was no DNA of the deceased or blood of the deceased on the long parang, the evidence of eyewitness through SP2 who had witnessed the incident supported the facts that the deceased was slashed with the long parang. SP9, an expert, in his testimony stated that the slash wound suffered by the deceased was caused by a sharp and flat object such as a parang or a sword. In fact the absence of finger prints on the long parang could not be used as a reason that the appellant did not use the long parang to slash the deceased on the head (see para 35).

(3) It was not the court's duty to apply the defence of insanity to the

appellant. The burden to show the existence of insanity of mind was on the appellant. The medical report by the Forensic Psychiatry Consultant, Hospital Bahagia Ulu Kinta clearly showed that the appellant's mental condition was stable and fit for trial (see para 37–38).

(4) Just because the HCJ had dismissed the appellant's identification in the identification parade, the HCJ need not necessarily dismiss the appellant's identification from the dock. The dismissal of the evidence on the identification in the identification parade was not fatal in any way to the identification from the dock as the person who had committed the offence. On the facts and circumstances of the case, this court held that the appellant's identification from the dock was correctly admitted by the HCJ. SP2 had identified the accused in the open court during the trial before the HCJ. During re-examination, SP2 explained that he could identify the appellant because, 'saya pasti sebab OKT duduk dengan saya dan saya pasti wajahnya'. Therefore, the appellant's identity had been identified by SP2 and this could not be denied (see para 39–40).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perjalanan kawad cam, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1984–1996.

Untuk kes-kes mengenai pembelaan tidak siuman, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011Reissue) perenggan 619–624.

Untuk kes-kes mengenai s 302, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 1815–1931.

Kes-kes yang dirujuk

Baharom v PP [1960]1 MLJ 249, MR (dirujuk)

Bala anak Matik v PP [2006] 3 MLJ 516; [2006] 2 CLJ 229, MR (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Chua Beow Huat v PP [1970] 2 MLJ 29 (dirujuk)

Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551, MR (dirujuk)

Heng Aik Ren Thomas v PP [1998] 3 SLR 465, MR (dirujuk)

Juraimi bin Husin v PP [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383, MR (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)

Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 2 AMR 680, MP (dirujuk)

Nor Hasnizam bin Ab Latif v PP [2002] 1 MLJ 154, MR (dirujuk)

Ong Poh Cheng v PP [1998] 4 MLJ 8, MR (dirujuk)

Sainal Abidin bin Mading v PP [1999] 4 MLJ 497, MR (dirujuk)

Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Ye Wei Gen v PP [1999] 4 SLR 101, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 105
Kanun Acara Jenayah s 342
Kanun Keseksaan ss 84, 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B—24 Tahun 2009 (Mahkamah Tinggi, Alor Setar)

Burhanudeen bin Abdul Wahid (Burhan & Co) bagi pihak perayu.
Tengku Amir Zaki bin Tengku Haji Abdul Rahman (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden/pendakwaan.

Abdul Malik Ishak HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENDAHULUAN

[1] Perayu telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Pihak pendakwaan telah memanggil sepuluh orang saksi dan di akhir kes pendakwaan, perayu dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Perayu memilih untuk memberi keterangan dari kandang tertuduh dan perayu menyatakan bahawa, 'Saya tidak terlibat dalam kejadian ini'. Di akhir kes pembelaan, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa perayu bersalah dan mensabitkan beliau dengan kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Kini perayu merayu ke mahkamah ini.

[2] Pertuduhan ke atas perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 20.2.2008, pada jam lebih kurang 2.20 petang bertempat di Jalan Kg Raja, Mukim Pering, Kodiang, di Daerah Kubang Pasu dalam Negeri Kedah Darul Aman telah melakukan pembunuhan ke atas Saad bin Ahmad (No. Kad Pengenalan 710701-02-5777). Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

KES PENDAKWAAN

[3] Si mati (Saad bin Ahmad) yang juga dikenali sebagai 'Ad' di dalam kes ini adalah sepupu kepada Shamsari bin Saidin ('SP3'). Di dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi, SP3 mengatakan bahawa beliau mengenali orang yang kena tuduh ('OKT') yang tinggal tidak jauh daripada rumahnya. Pada 20 Februari 2008 jam 1.15 petang, OKT telah datang ke rumah SP3 dengan menaiki motosikal kerana OKT sedang mencari 'Ad' yang tiada di rumah pada masa itu. SP3 yang berada dalam jarak 4–5 kaki jelas nampak OKT membawa sebilah parang yang diletakkan di bahagian tepi motornya.

[4] Mohd Nor Hafis bin Ibrahim ('SP2') yang merupakan kawan baik si mati sejak kecil menceritakan bahawa pada 20 Februari 2008 semasa beliau sedang menunggang motosikal melalui Kg Keda Pochan, si mati telah menyekat motosikalnya dan meminta SP2 menghantar beliau ke Gua Kerbau. Menurut SP2, semasa dalam perjalanan tiba-tiba datang dua buah motosikal dan menyekat motosikal yang dinaiki oleh SP2 dan si mati. Salah seorang penunggang motosikal yang dicamkan oleh SP2 sebagai OKT telah menghampiri SP2 dan mengarahkan SP2 untuk beredar daripada situ dengan alasan SP2 tidak ada kena mengena dengan urusannya. Dalam masa yang sama, menurut SP2, sebuah lagi motosikal yang dinaiki oleh dua orang lelaki yang berada di tempat yang sama dalam jarak 4 meter daripada SP2 tidak berbuat apa-apa dan cuma melihat sahaja.

[5] Semasa SP2 beredar, si mati masih berada di atas motosikal dan SP2 terdengar pertengkaran di antara OKT dengan si mati. Pada waktu itu, SP2 melihat bahawa kedua-dua lelaki itu masih berada di atas motosikal mereka. Pada waktu itu juga, SP2 melihat dan menyaksikan OKT menetak kepala si mati iaitu di bahagian kepala atas telinga si mati dengan menggunakan parang yang panjangnya lebih kurang satu kaki. Akibat daripada tetakan tersebut, si mati terus jatuh dari motosikal dan pada waktu yang sama juga, SP2 melihat kedua-dua lelaki yang berada di atas motosikal telah melarikan diri mereka. SP2 juga melihat dan menyaksikan OKT menendang si mati dan kemudiannya OKT meninggalkan tempat kejadian.

[6] SP2 menghampiri si mati dan nampak si mati nazak dan SP2 mengajar si mati mengucap dua kalimah syahadah. Si mati meninggal dunia di atas riba SP2.

[7] Di dalam kawad cam yang diadakan pada 21 Februari 2008 jam lebih kurang 2.30 petang yang dijalankan oleh Ketua Inspektor Zulkefli bin Hanafiah ('SP10') di Ibu Pejabat Daerah Polis Kubang Pasu, SP2 telah mengecam OKT sebanyak dua kali.

[8] Selanjutnya pada hari yang sama iaitu pada 20 Februari 2008 pada jam 3 petang, Muhamad Faris bin Md Saruji ('SP4') yang bekerja sebagai pencuci kereta di Kampung Tengah melihat OKT datang dan minta SP4 untuk membasuh motosikalnya. Pada ketika itu, SP4 melihat kesan darah di motosikal OKT dan apabila SP4 bertanya kenapa, OKT menyuruh SP4 membasuh secepat-cepatnya.

[9] ASP Sheikh Othman bin Abdul Hamid ('SP6'), pegawai penyiasat, memberitahu mahkamah bahawa beliau dan anggotanya telah dibawa oleh OKT ke sebuah kandang di Kampung Hutan Palas, Jalan Changloon, Kodiang, Kedah di mana OKT telah menunjukkan sebilah parang yang

diletakkan di celah papan di kandang lembu (lihat ms 33 rekod rayuan). Pada 21 Februari 2008, SP6 menghantar jenazah si mati ke Bahagian Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar untuk menjalani satu bedah siasat oleh Dr Mohammad Shafie bin Othman @ Osman ('SP9') seorang Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Perubatan Forensik. Di hadapan SP9, SP6 telah mengecam jenazah si mati.

[10] Suraya bt Kamis ('SP8'), balu si mati, telah menerima panggilan telefon daripada ibunya yang memberitahu beliau bahawa si mati telah mendapat kemalangan. SP8 bergegas ke tempat kejadian di Kampung Raja pada 20 Februari 2008 jam lebih kurang 3 petang dan apabila sampai di situ, beliau melihat ada satu mayat di dalam longkang dan beliau mengecamkan mayat itu sebagai mayat suami beliau iaitu si mati. Keesokan harinya iaitu pada 21 Februari 2008, SP8 membuat pengecaman mayat si mati di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

[11] SP9 yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati memberi keterangan terperinci tentang kecederaan luaran dan pemeriksaan dalaman mayat si mati. Mengikut SP9, mayat si mati telah dicamkan oleh pegawai polis iaitu SP6 dan balu si mati iaitu SP8. Di ms 47–48 rekod rayuan, SP9 menerangkan selanjutnya:

Tanda-tanda kecederaan luaran:

(1) Luka tetak pada kepala sebelah kiri yang menyerong ke bawah dan ke dalam yang berukuran 22x3cm. Luka ini terletak dari tepian mata sebelah kiri sehingga ke kepala sebelah kiri sedalam 7cm. Di dalam luka ini kelihatan tengkorak yang terbelah.

(2) Kesan lecet pada bahagian atas tengah dahi berukuran 1x0.7cm.

(3) Kesan lecet pada tepian luar siku kanan berukuran 3x2cm.

(4) Kesan lebam kecil pada belakang pergelangan tangan kiri berukuran 0.8x0.8cm.

(5) Kesan lecet pada belakang bahu kiri berukuran 5x0.5cm.

(6) Kesan lecet pada bahagian atas kaki kanan berukuran 4x2cm.

Hasil Pemeriksaan Dalaman

(1) Tiada lebam di bawah kulit kepala.

(2) Luka tetakan no. 1 tadi didapati telah membelah tepian tengkorak di sebelah kiri. Tetakan telah memotong otot pelipis kepala sebelah kiri.

(3) Pemeriksaan pada otak menunjukkan kesan tetakan telah mengenai tepian otak sebelah kiri.

(4) Alteri tengah sebelah kiri telah terpotong.

(5) Pemeriksaan struktur dan anggota dalam leher dan abdomen tidak menunjukkan tanda penyakit biasa atau sebarang kecederaan.

(6) Tiada struktur tulang yang patah kecuali tulang tengkorak seperti yang dinyatakan.

(TPR: Apakah punca kematian simati?

(SP9: Sebab kematian simati adalah pendarahan berlebihan akibat luka tetakan.

(TPR: Apakah objek yang menyebabkan kecederaan / luka?

(SP9: Luka tetakan yang dialaminya adalah berpunca daripada satu objek yang tajam dan pipih.

(TPR: Apakah contoh objek yang tajam dan pipih?

(SP9: Contoh objek tajam dan pipih adalah seperti sebilah parang atau pedang.

(TPR: Apakah jangka/tempoh waktu kematian simati?

(SP9: Saya berpendapat bahawa simati telah mati dalam tempoh 24 jam dari waktu mayat diterima di Jabatan Forensik. Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar. Mayat telah diterima oleh unit forensik pada 20.2.2008 jam 8 malam.

[12] SP10 yang menjalankan kawad cam pada 21 Februari 2008 jam lebih kurang 2.30 petang di Ibu Pejabat Daerah Polis Kubang Pasu, mengesahkan bahawa SP2 telah mengecamkan OKT dua kali di dalam kawad cam yang dijalankan dua kali juga.

[13] Di dalam alasan penghakiman ini OKT akan terus dirujuk sebagai 'perayu'.

PEMBELAAN PERAYU

[14] Seperti yang dinyatakan di awal mukadimah, perayu memilih untuk memberi keterangan dari kandang tertuduh dan beliau mengatakan bahawa beliau tidak terlibat di dalam kejadian ini.

ANALISIS

[15] Perayu telah berhujah bahawa YA hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah terkhilaf apabila mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan memanggil perayu untuk membela diri dan seterusnya HMT terkhilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah dan mensabitkan perayu.

[16] Keterangan yang diutarakan oleh pihak pendakwaan jelas membuktikan bahawa satu kes prima facie telah wujud terhadap perayu dan oleh yang demikian perayu telah dipanggil untuk membela diri di bawah pertuduhan s 302 Kanun Keseksaan.

[17] Saksi utama pihak pendakwaan ialah SP2. Beliau merupakan saksi yang kredibel dan keterangan beliau adalah jitu dan konsisten. SP2 adalah saksi mata yang melihat sendiri bagaimana perayu telah menetak kepala si mati dengan parang panjang berukuran satu kaki panjang. SP9 mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan oleh 'pendarahan berlebihan akibat luka tetakan di kepala'. SP9 telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati dan mengikut SP9 terdapat luka tetak pada tepian kepala sebelah kiri yang menyerong ke bawah dan ke dalam berukuran 22 x 3 sm dari tepian hujung mata sebelah kiri sehingga belakang sebelah kiri sedalam 7 sm. Dan luka tetakan ini terletak 1 sm di atas cuping telinga kiri si mati. Di dalam luka ini kelihatan tengkorak yang terbelah. Mengikut SP9 luka ini telah menyebabkan kematian si mati.

[18] Adalah jelas apabila perayu menggunakan parang panjang itu dan menetak kepala si mati, perayu mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati. Niat perayu adalah semata-mata untuk membunuh si mati (*Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497, MR; dan *Nor Hasnizam bin Ab Latif v Public Prosecutor* [2002] 1 MLJ 154, MR). Kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati pada lazimnya boleh menyebabkan kematian.

[19] Kejadian pembunuhan ini berlaku pada 20 Februari 2008 jam lebih kurang 2.20 petang seperti dinyatakan di dalam pertuduhan. Pada jam 1.15 petang hari yang sama, perayu datang ke rumah SP3 mencari si mati yang juga dikenali sebagai 'Ad'. Pada ketika itu, perayu sedang menunggang motosikal dan SP3 nampak dengan jelas sebilah parang yang diletakkan di bahagian tepi motosikal perayu. Besar kemungkinan parang itulah — secara inferens, telah digunakan untuk menetak kepala si mati.

[20] Selepas perayu menetak kepala si mati, perayu pergi ke tempat mencuci kereta pada jam 3 petang pada hari yang sama. Di sana, perayu meminta SP4 mencuci motosikalnya. SP4, di dalam pemeriksaan utama, menyatakan di ms 19 rekod rayuan seperti berikut:

> (TPR: Siapa yang basuh motor Sakun (Perayu)?
>
> (SP4: Saya sendiri.
>
> (TPR: Macam mana keadaan motor?
>
> (SP4: Ada darah sikit-sikit.
>
> (TPR: Ada darah di bahagian mana?
>
> (SP4: Di sayap kiri motor.
>
> (TPR: Cuba cerita darah yang macam mana?
>
> (SP4: Seperti percikan darah.

(TPR: Apa yang kamu buat bila nampak percikan darah?

(SP4: Saya tanya mengenai darah tersebut. Sakun (Perayu) jawab tiada apa-apa dan suruh saya basuh motor cepat-cepat.

[21] Adalah jelas bahawa SP4 melihat kesan darah di motosikal perayu dan apabila SP4 bertanyakan kenapa, perayu telah menyuruh beliau supaya membasuh secepat-cepatnya.

[22] Parang panjang yang digunakan oleh perayu untuk menetak kepala si mati telah dapat dikesan. Perayu sendiri yang membawa SP6 dan anggotanya ke sebuah kandang di Kampung Hutan Palas, Jalan Changloon, Kodiang, Kedah dan menunjukkan sebilah parang yang diletakkan di celah papan di kandang lembu. Tidak dinafikan bahawa tingkah laku perayu yang menunjukkan di mana parang panjang itu disimpan merupakan satu keterangan penting yang telah menyokong kes pihak pendakwaan.

[23] Pihak pembelaan telah mempertikaikan mengenai pengecaman perayu oleh SP2 di dalam kawad cam. SP2 dapat mengecam perayu oleh sebab SP2 berada dalam jarak yang sangat dekat dengan perayu semasa kejadian tersebut berlaku. Walaupun perayu memakai topi keledar tetapi SP2 boleh nampak dengan pasti disebabkan jarak beliau dengan perayu terlalu dekat. SP2 dapat menceritakan dengan jelas bagaimana kejadian itu terjadi. SP2 juga dapat menceritakan kepada HMT keadaan perayu pada masa kejadian dan keadaan badan perayu semasa hadir di hadapan HMT. Walaupun umur peserta dalam kawad cam berbeza daripada umur perayu, HMT telah menerima keterangan SP2 sebagai saksi yang kredibel. Di dalam mahkamah di hadapan HMT, SP2 dapat mengecam perayu dengan positif (*dock identification*) selaras dengan keterangannya bahawa dia menyaksikan kejadian dalam jarak yang dekat. Berdasarkan keterangan SP2, kami bersetuju dengan keputusan HMT bahawa perayu telah menyebabkan kematian si mati.

[24] Analisa keterangan pihak pendakwaan secara maksima telah dilaksanakan oleh HMT mengikut prinsip undang-undang seperti digariskan oleh *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 2 AMR 89, MR; dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 (MP), dan HMT telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan memanggil perayu untuk membela diri.

[25] Kami berpendapat bahawa HMT tidak terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kes apabila HMT memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah dan setelah mendengar pembelaan perayu, HMT telah mensabitkan perayu.

[26] Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa HMT gagal membuat 'finding' bahawa SP2 bukanlah saksi yang boleh dipercayai dan terdapat keraguan sama ada SP2 berada di tempat kejadian berdasarkan kepada maklumat yang dimaklumkan oleh SP2 dalam laporan polis ('eksh P3') yang menyatakan bahawa 'terjumpa lelaki yang tidak dikenali berlumuran darah di tepi jalan'. Tetapi SP2 tidak disoal balas oleh perayu mengenai perkara ini. Oleh yang demikian perayu dianggap telah menerima fakta bahawa SP2 telah menyaksikan perayu menetak kepala si mati memandangkan bahawa SP2 berada di tempat kejadian dan beliau juga merupakan kawan baik si mati sejak kecil (*Chua Beow Huat v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 29). Kegagalan menyoal balas juga telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan sebagai suatu prinsip undang-undang yang unggul. Di dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

[27] Berkenaan percanggahan keterangan mengenai nombor pendaftaran motosikal perayu dengan saksi yang lain, kami perlu meneliti keterangan SP2. Di ms 10 rekod rayuan baris ke-empat dari bawah, SP2 disoal seperti berikut:

> (S:) Kamu ingat no plat motosikal yang ditunggang oleh mereka.
>
> (SP2:) Saya tidak ingat, sama ada Kriss atau RXZ.

[28] Dengan jawapan yang diberi oleh SP2 persoalan timbul: di mana datangnya percanggahan yang dikatakan oleh perayu itu?

[29] Berkenaan hujahan bahawa tidak terdapat bukti sama ada motosikal yang dibonceng oleh si mati kepunyaan SP2, harus dinyatakan bahawa SP2 tidak disoal balas tentang perkara ini. Oleh yang demikian bolehlah dirumuskan bahawa perayu dianggap menerima fakta bahawa motosikal itu kepunyaan SP2 (*Chua Beow Huat v Public Prosecutor*; dan *Wong Swee Chin v Public Prosecutor*).

[30] Tentang percanggahan keterangan SP2 yang melihat perayu menetak si mati pada 'bahagian kanan atas telinga berbanding kecederaan sebenar adalah pada bahagian kiri', sekali lagi dinyatakan bahawa SP2 tidak disoal balas tentang perkara ini. Oleh itu perayu dianggap telah menerima fakta bahawa perayu menetak kepala si mati iaitu di bahagian kepala atas telinga si mati (*Chua Beow Huat v Public Prosecutor*; dan *Wong Swee Chin v Public Prosecutor*).

[31] Banyak perkara di mana SP2 tidak disoal balas tetapi dibangkitkan di dalam penghujahan di hadapan kami seperti:

(a) tentang kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan topi keledar yang dikatakan dipakai oleh perayu;

(b) tentang identiti perayu walaupun SP2 menyatakan bahawa fizikal perayu kelihatan berbeza berbanding semasa tarikh kejadian itu berlaku;

(c) tentang percanggahan keterangan-keterangan SP2, SP4 dan SP6 berkenaan nombor plat motor perayu semasa tarikh kejadian; dan

(d) tentang kehadiran dua orang yang lain di tempat kejadian yang menimbulkan keraguan berkenaan identiti perayu yang diakui oleh SP2 ada perbezaan dari segi fizikal.

[32] Pada hemat kami kehadiran dua orang lain di tempat kejadian tidak relevan kepada pertuduhan terhadap perayu oleh sebab hanya perayu seorang sahaja yang dituduh. Keterangan kukuh daripada SP2 adalah mencukupi untuk membuktikan kes pihak pendakwaan.

[33] Ada dua lagi perkara di mana SP2 tidak disoal balas tetapi dibangkitkan oleh perayu di peringkat penghujahan seperti berikut:

(a) walaupun umur peserta dalam kawad cam berbeza daripada umur perayu, HMT telah menerima keterangan SP2 sebagai saksi yang kredibel; dan

(b) gagal mengambil kira bahawa dua orang lain bersama perayu di tempat kejadian tidak ambil bahagian di dalam kawad cam.

[34] Berkenaan dengan dakwaan bahawa HMT telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kes apabila memanggil perayu membela diri walaupun perayu tidak mempunyai kawalan terhadap kandang lembu (lihat gambar bertanda 'I', 'J' dan 'K' di ms 120 rekod rayuan) di mana parang panjang (lihat gambar bertanda 'L' dan 'M' di ms 121 rekod rayuan) itu disimpan, kami berpendapat bahawa keputusan HMT dalam menerima keterangan sedemikian adalah selari dan mengikut kes *Bala anak Matik v Public Prosecutor* [2006] 3 MLJ 516; [2006] 2 CLJ 229 (MR). Keterangan sebegini rupa yang mencerminkan kelakuan perayu yang menunjukkan di mana parang panjang itu disimpan boleh diterima di bawah s 8 Akta Keterangan 1950.

[35] Berkenaan dengan ketiadaan keterangan yang menunjukkan bahawa parang panjang (eksh 'P11') itu telah digunakan oleh perayu untuk menetak kepala si mati khususnya tiada laporan kimia yang dikemukakan untuk menguatkan kes pihak pendakwaan, kami berpendapat bahawa walaupun

tiada DNA si mati atau darah si mati pada parang panjang (eksh 'P11') itu, keterangan saksi mata melalui SP2 yang melihat kejadian itu menyokong fakta bahawa si mati ditetak menggunakan parang panjang (eksh 'P11') itu. SP9 seorang doktor pakar di dalam keterangannya di ms 48 rekod rayuan di baris ke sebelas menyatakan bahawa luka tetakan yang dialami oleh si mati berpunca daripada satu objek yang tajam dan pipih seperti sebilah parang atau pedang. Malah ketiadaan kesan cap jari di parang panjang tidak boleh digunakan sebagai alasan bahawa perayu tidak menggunakan parang panjang (eksh 'P11') itu untuk menetak kepala si mati (*Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551 (MR)).

[36] Berkenaan dakwaan bahawa HMT gagal mengambil kira bahawa laporan perubatan mental tidak pernah diberikan kepada perayu mahupun pihak pembelaan maka ia menghalang perayu daripada menggunakan peluang ini untuk mensapina saksi yang berkenaan dan juga untuk menjalankan pemeriksaan balas, walaupun pembelaan tidak siuman di bawah s 84 Kanun Keseksaan boleh diguna pakai oleh perayu, kami berpendapat bahawa mengikut s 105 Akta Keterangan 1950 beban untuk membuktikan pembelaan tidak siuman terletak kepada perayu. Seksyen 105 Akta Keterangan 1950 menyatakan bahawa:

> Burden of proving that case of accused comes within exceptions
>
> 105. When a person is accused of any offence, the burden of proving the existence of circumstances bringing the case within any of the general exceptions in the Penal Code, or within any special exception or proviso contained in any other part of the same Code, or in any law defining the offence, is upon him, and the court shall presume the absence of those circumstances.
>
> ILLUSTRATIONS
>
> (a) A accused of murder alleges that by reason of unsoundness of mind he did not know the nature of the act. The burden of proof is on A.

[37] Harus dinyatakan bahawa bukan menjadi tugas mahkamah untuk memakaikan pembelaan tidak siuman kepada perayu. Beban membuktikan kewujudan akal yang tidak sempurna terletak kepada perayu (*Juraimi bin Husin v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383 (MR); dan *Baharom v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 249, MR).

[38] Walau bagaimanapun, s 342 Kanun Acara Jenayah adalah peruntukan undang-undang yang melibatkan mahkamah dan perayu dalam menentukan sama ada perayu layak untuk dibicarakan. Di ms 2–4 rekod rayuan tambahan (2), ada satu laporan perubatan ke atas perayu bertarikh 6 Januari 2011 yang disiapkan oleh Dr Hjh Rabaiah bt Mohd Salleh, Pakar Perunding Psikiatri

Forensik dari Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak Darul Ridzuan yang jelas menunjukkan di ms 3 bahawa keadaan mental perayu adalah stabil dan layak untuk dibicarakan.

[39] Berkenaan dakwaan bahawa HMT telah terkhilaf apabila gagal mengaplikasikan prinsip di dalam kes *Magendran a/l Mohan v Pendakwa Raya* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 2 AMR 680 (MP), berkenaan identiti dan keperluan mengadakan kawad cam sekiranya perayu tidak mengenali SP2, kami ingin merujuk kepada kes *Ong Poh Cheng v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 8 (MR), di mana perayu di dalam kes itu didapati bersalah dan disabitkan oleh hakim Mahkamah Tinggi. Semasa perbicaraan, hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa pengecaman yang dibuat semasa kawad cam adalah cacat. Walau bagaimanapun, hakim Mahkamah Tinggi telah menerima pengecaman perayu di mahkamah terbuka oleh pengadu-pengadu. Peguambela perayu berhujah bahawa hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf dalam menerima pengecaman perayu dari kandang saksi, dan dengan itu, identiti perayu sebagai orang yang telah melakukan kesalahan tidak dibuktikan secara muktamad. Mahkamah Rayuan menolak rayuan perayu dan memutuskan bahawa hanya kerana hakim Mahkamah Tinggi telah menolak pengecaman perayu di perbarisan cam, tidak semestinya hakim Mahkamah Tinggi perlu menolak pengecaman perayu dari kandang saksi. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa penolakan keterangan ke atas pengecaman di perbarisan cam tidaklah padah dalam apa-apa cara kepada pengecaman perayu dari kandang saksi sebagai orang yang telah melakukan kesalahan. Atas fakta dan keadaan kes, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pengecaman perayu dari kandang saksi telah diterima dengan betul oleh hakim Mahkamah Tinggi.

[40] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami sekarang, SP2 telah mengecam perayu di mahkamah terbuka semasa perbicaraan (*dock identification*) di hadapan HMT (lihat keterangan SP2 di dalam pemeriksaan utama di ms 7 baris 14 di rekod rayuan). Semasa pemeriksaan semula, di ms 13 baris atas rekod rayuan, SP2 menjelaskan bahawa beliau boleh mengecamkan perayu sebab, 'Saya pasti sebab OKT duduk dengan saya dan saya pasti wajahnya'.

[41] Oleh yang demikian identiti perayu telah dicamkan oleh SP2 dan ini tidak boleh dinafikan (*Heng Aik Ren Thomas v Public Prosecutor* [1998] 3 SLR

465 (MR); dan *Ye Wei Gen v Public Prosecutor* [1999] 4 SLR 101).

KESIMPULAN

[42] Berdasarkan sebab-sebab yang bernas yang dinyatakan di atas, kami sebulat suara menolak rayuan perayu. Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMT dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak, sabitan dan hukuman yang dijatuhkan dikekalkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed